



**JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PERAK)**

OKTOBER 2012

Adalah disyorkan bahawa Laporan Latihan Praktikal ini yang disediakan

Oleh

Siti Solehah Binti Hassan

2010418404

Bertajuk

Certificate Of Completion and Compliance

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Penyelia Laporan : En. Zulkifli bin Ab Halim

Koordinator Latihan Praktikal : En. Nor Azam bin Yahaya

Koordinator Fakulti : Dr. Sr. Haji Hayroman bin Ahmad

JABATAN BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PERAK)

OKTOBER 2012

PENGAKUAN PELAJAR

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang dinyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 5 bulan mulai 21 Mei 2012 hingga 6 Oktober 2012 di Majlis Perbandaran Kuantan. Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus DBN307 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Nama :Siti Solehah Binti Hassan

No Kp Uitm :2010418404

Tarikh :05 Oktober 2012

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kerana diberi kesihatan badan dan juga kesempatan untuk menyiapkan laporan latihan industry ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Encik Zulkifli bin Halim kerana telah memberi banyak tunjuk ajar dan nasihat kepada saya sepanjang proses untuk menyiapkan laporan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Majlis Perbandaran Kuantan kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membuat latihan industri. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua staf yang banyak memberi banyak pertolongan dan tunjuk ajar sepanjang saya membuat laporan ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa dan keluarga saya yang banyak memberi dorongan kepada saya.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Laporan ini secara ringkas menerangkan mengenai sistem Certificate of Completion and Compliance (CCC). Sebelum penggunaan sistem CCC, kerajaan telah menggunakan sistem CFO. Ia merupakan salah satu usaha kerajaan dalam pendekatan ke arah *self-regulation* dan *self-certification*. Para professional seperti arkitek dan jurutera merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pengeluaran sijil CCC ini. Tetapi sijil ini hanya boleh dikeluarkan dengan kelulusan daripada pihak Majlis. Banyak kelebihan dalam penggunaan sistem ini berbanding sistem yang lalu. Antaranya ialah melalui borang-borang yang digunakan. Walaupun lebih banyak borang yang digunakan untuk sistem ini, tetapi ia lebih membantu dari segi pengelasan kerja. Terdapat 21 borang yang terlibat dalam perlaksanaan sistem CCC ini. Perlaksanaan sistem CCC ini akan diterangkan menerusi jalan kerja yang dirujuk melalui salah satu fail CCC di Majlis Perbandaran Kuantan iaitu pembinaan lapan unit rumah berkembar di Mukim Sungai Karang, Kuantan.

KANDUNGAN

Penghargaan
Abstrak
Isi Kandungan
Senarai Rujukan
Senarai Jadual
Senarai Rajah
Senarai Gambar
Senarai Lampiran
Senarai Singkat Kata

MUKA SURAT

i.	Penghargaan		
ii.	Abstrak		
iii.	Isi Kandungan		
iv.	Senarai Rujukan		
v.	Senarai Jadual		
vi.	Senarai Rajah		
vii.	Senarai Gambar		
viii.	Senarai Lampiran		
ix.	Senarai Singkat Kata		
BAB	1.0	PENDAHULUAN	
	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Objektif Kajian	2
	1.3	Skop Kajian	3
	1.4	Kaedah Kajian	3
BAB	2.0	LATAR BELAKANG SYARIKAT	
	2.1	Pengenalan	4
	2.1.1	Lokasi Majlis Perbandaran Kuantan	5
	2.2	Peranan dan Tugas	6
	2.3	Carta Organisasi	9
	2.4	Senarai Projek	11
BAB	3.0	CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE	
	3.1	Pengenalan	18
	3.1.1	Proses Perakuan Berperingkat	19
	3.2	Latar belakang projek	21
	3.3	Kajian kes	
	3.3.1	Proses Pengeluaran CCC	22
	3.3.2	Pihak Yang Terlibat	24
	3.3.3	Ulasan Teknikal	29
	3.3.4	Penalty	30
BAB	4.0	KESIMPULAN DAN CADANGAN	31

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Senarai Projek	11
Jadual 3.1	Senarai Borang G1-G21	20
Jadual 3.2	Senarai Borang yang digunakan	23

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Carta Organisasi MPK	9
Rajah 2.2	Carta Organisasi Bahagian Bangunan	10
Rajah 3.1	Carta Alir JBPM	25
Rajah 3.2	Carta Alir TNB	26
Rajah 3.3	Carta Alir JTD	27
Rajah 3.4	Carta Alir Proses Kelulusan Pelan	28

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Syarat-Syarat Kelulusan	33
Lampiran B: Borang F	38
Lampiran C: Borang G1-G21	40
Lampiran D: Surat Rasmi dan Memo	65

SENARAI SINGKAT KATA

CCC	Certificate Of Completion and Compliance
CFO	Certificate Of Fitness
PSP	Principal Submitting Person
JBD	Jabatan Teknikal Dalaman
JTL	Jabatan Teknikal Luaran
IWK	Indah Water Konsortium
TM	Telekom Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Pemilihan tajuk dibuat berdasarkan pemerhatian dan hasil kerja yang dilakukan di Majlis Perbandaran Kuantan di bawah unit CCC/CFO. Laporan ini merangkumi semua proses yang terlibat untuk mendapatkan sijil CCC. Antaranya ialah proses yang terlibat dalam pengeluaran CCC, pihak yang bertanggungjawab, syarat-syarat yang terlibat, dan borang-borang yang diperlukan.

Perkara utama laporan ini ialah mengenai proses yang terlibat dalam pengeluaran sijil CCC iaitu dari segi proses dokumentasi sehingga ke tapak pembinaan itu sendiri. Laporan ini dibuat hasil daripada hasil praktikal di tapak dan juga teori yang diperoleh berdasarkan buku dan juga fail-fail yang terlibat dalam proses ini.

Proses pengeluaran sijil CCC ini melibatkan pelbagai pihak berkuasa dan golongan professional untuk mengesahkan bangunan yang dibina selamat dan selesa digunakan oleh orang ramai dari pelbagai aspek. Pihak yang terlibat juga bergantung kepada jenis bangunan yang akan dibina. Sebagai contoh, jika projek pembinaan rumah, pihak yang akan terlibat terdiri daripada Jabatan Teknikal Dalaman dan Jabatan Teknikal Luaran. JTD terdiri daripada ahli Majlis sendiri manakala JTL terdiri daripada JKR, TNB, TM, JBA, IWK dan juga JBPM.(seperti di lampiran A)

Merujuk kepada buku rujukan Pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan oleh Profesional(Edisi Kedua) yang telah dikeluarkan oleh KPKT, telah memberitahu bahawa KPKT kini dalam proses meneliti pengujudan mekanisme alternatif bagi melaksanakan syarat-syarat teknikal sebelum CCC dikeluarkan. Ini termasuk:

- a) Kuota Bumiputra.
 - I. Kuota ditetap dan ditanda dalam pelan pre-comp sebagaimana yang dilulus.
 - II. Dicadangkan oleh pemaju untuk kelulusan PBT.
- b) 30% rumah kos rendah.
 - I. Pemaju deposit jaminan bank atas harga semasa rumah untuk Kerajaan negeri ambilalih sekiranya pemaju gagal.
 - II. Pemaju serah tanah dan sediakan infrastruktur yang berkaitan tanah tersebut untuk Kerajaan Negeri laksana.
 - III. Syaratkan pemaju mula bina rumah kos rendah apabila kemajuan projek sampai peratus tertentu.
- c) Sumbangan untuk kemudahan awam.
 - I. Dijelaskan sebelum pelan bangunan lulus.
 - II. Penekanan kepada pembentukan ISF selaras dengan peruntukan Akta 133.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama laporan ini ialah:

- i. Untuk mengetahui proses-proses yang terlibat dalam pengeluaran sijil CCC.
- ii. Untuk mengetahui pihak-pihak yang terbabit dalam pengeluaran sijil CCC.

1.3 SKOP KAJIAN

Fokus kajian ini adalah mengenai proses pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan yang dikeluarkan oleh pihak PSP iaitu Arkitek Professional ataupun Jurutera Professional dan pihak-pihak yang terlibat di dalam pengeluaran sijil tersebut. Antara pihak yang terlibat ialah PSP sebagai orang yang mengemukakan, dan juga pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pihak yang bertanggungjawab memberi kebenaran merancang dan memantau projek binaan supaya tidak terdapat sebarang ketidakpatuhan yang dibuat oleh pihak PSP. Terdapat juga pihak yang memainkan peranan penting dalam proses CCC ini iaitu Jabatan Teknikal Dalaman iaitu Bahagian Bangunan, Bahagian Infrastruktur, Bahagian Jalan dan juga Unit Elektrik Majlis Perbandaran Kuantan dan juga Jabatan Teknikal Luaran yang terdiri daripada Jabatan Kerja Raya, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan juga Indah Water Konsortium. Proses yang akan diterangkan di dalam laporan ini bermula dari peringkat permohonan lawatan pra-ccc.

1.4

KAEDAH KAJIAN

Kaedah-kaedah yang digunakan dalam penghasilan laporan ini adalah:

i. Lawatan tapak.

Mengikuti lawatan tapak oleh pihak Majlis untuk meluluskan pengeluaran sijil CCC.

ii. Temubual

Menemubual pegawai-pegawai dan juga pembantu tadbir yang terlibat dalam kerja-kerja pendokumentasian dan juga juruteknik yang terlibat semasa lawatan tapak dijalankan.

iii. Buku

Membaca buku-buku yang terdapat di pejabat yang digunakan oleh pegawai dan pekerja untuk rujukan. Maklumat juga banyak diperoleh menerusi pembacaan buku di perpustakaan.

iv. Laman sesawang

Mencari maklumat daripada laman-laman kerajaan dan juga jurnal yang terlibat.

BAB 2

LATAR BELAKANG SYARIKAT

2.1 PENGENALAN

Merujuk kepada laman web rasmi Majlis Perbandaran Kuantan, (www.mpk.gov.my) , Majlis Perbandaran Kuantan merupakan antara salah sebuah badan kerajaan tempatan yang ditubuhkan untuk mentadbir Bandar Kuantan. Sistem berkerajaan tempatan ini mula dilaksanakan di Kuantan pada 1hb Ogos 1913 dengan penubuhan Kuantan Sanitary Board dan bertukar kepada Kuantan Town Board pada tahun 1937 dan seterusnya beralih pula kepada Kuantan Town Council pada tahun 1953. Mulai dari 1979, Kuantan Town Council telah dinaiktaraf dan ditukar kepada Majlis Perbandaran Kuantan.



Gambar 2.1 Pelan Pentadbiran MPK

Sumber: Laman Rasmi MPK

Daerah Kuantan mempunyai keluasan 2,453 km persegi (1,410.4 batu persegi) dan keluasan kawasan tadbiran MPK hanyalah 2,065 km persegi yang merangkumi Mukim Kuala Kuantan, Mukim Ulu Kuantan, Mukim Beserah dan Mukim Sungai Karang.

MPK melaksanakan tanggungjawabnya, berdasarkan perundangan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1986 (Akta 133), Undang-Undang Kecil (UUK) dan Enakmen yang telah diluluskan.

MPK mentadbir Bandar Kuantan berdasarkan tanggungjawab di bawah akta, membangunkan Kuantan secara terancang dan mampan, memberi perkhidmatan perbandaran, menguruskan keindahan dan kebersihan Bandar dan juga mewujudkan persekitaran yang selesa untuk kesejahteraan masyarakat.

2.1.1 Lokasi MPK,Kuantan.



Gambar 2.2 Lokasi MPK

Sumber: Google Map

Dalam usaha MPK mentadbir bandar Kuantan, MPK telah menetapkan visi iaitu ‘Kuantan sebagai Pusat Pertumbuhan Utama Wilayah Timur Yang Makmur Menjelang 2014’. Bagi memastikan visi tersebut tercapai, lima misi telah ditetapkan dalam memastikan Kuantan dibangunkan dengan cekap dan berkesan melalui pembangunan

perbandaran yang kondusif; kemudahan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti tinggi; pembangunan warga Kuantan yang cemerlang; pengekalan dan pemulihian persekitaran yang mampan; sistem pentadbiran yang terbaik, berintegriti dan berhemah.

2.2 Peranan Tugas Mengikut Jabatan.

Jabatan Perbendaharaan

Terdiri daripada Bahagian Belanjawan dan Perolehan, Bahagian Kewangan dan Akaun, Bahagian Letak Kereta dan Bahagian Pengurusan Harta.

- Menerima bayaran bagi bil-bil MPK.
- Mewujudkan persekitaran yang tersusun, terancang melalui perkhidmatan letak kereta yang sistematik, cekap dan efektif.
- Melindungi bangunan dengan membuat perlindungan insuran serta menilai bangunan.

Jabatan Penilaian

Terdiri daripada Bahagian Penswastaan, Bahagian Penilaian, Bahagian Cukai Taksiran

- Pembangunan harta tanah secara usahasama dengan pihak swasta.
- Pelaburan ke atas pembangunan harta tanah/bangunan secara pembiayaan dana dalaman mahupun pinjaman daripada institusi kewangan ataupun agensi pembiayaan.
- Pembangunan semula tanah/bangunan dan kemudahan untuk sewaan dan pajakan.
- Pengurusan pelbagai aktiviti masyarakat dan reaksi yang bermekanisme besar untuk jangka masa panjang.
- Pembelian harta tanah perniagaan dan perindustrian terutama Bumiputera.
- Kerja-kerja penilaian untuk masuk kadaran

- Mendengar bantahan penilaian cukai taksiran
- Pindahmilik pegangan berkadar
- Pulangan balik cukai (rebate) bangunan kosong.
- Mengutip cukai taksiran

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

Terbahagi kepada Bahagian Infrastruktur, Bahagian Jalan, Bahagian Penyelenggaraan, Bahagian Projek dan Bahagian Mekanikal dan Pengangkutan.

- Menentukan lokasi serta kedudukan papan tanda lalulinas, cepat nama jalan/orang dan bonggol ‘hump’
- Mengadakan kajian serta melaksanakan perubahan aliran lalulintas
- Memperbaharui perkakasan jalan termasuk garisan jalan dan perabut jalan.
- Mengadakan ujian ‘marshall, coring gradient drain, temperature ‘ serta ‘compaction’ bagi mengawal mutu pembinaan jalan.
- Menyelenggara taman permainan kanak-kanak dan taman rekreasi di kawasan perumahan MPK.
- Menyelenggara dan membina kemudahan awam.
- Penyelenggaraan lampu isyarat dan lampu hiasan.
- Mengawasi projek-projek pembangunan
- Menyediakan dokumen tawaran kerja tender, sebutharga dan inden.
- Menyediakan rekabentuk awalan senibina
- Lawatan tapak dan kerja-kerja ukur.
- Menyediakan lukisan kerja awam.
- Menyelenggara semua mesin dan kenderaan majlis.
- Pemotongan rumput padang.

Jabatan Khidmat Pengurusan

Terdiri daripada Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.

- Penjawatan
- Pengurusan mesyuarat dalaman dan luaran
- Pengurusan gaji dan elaun
- Pengurusan tata tertib dan hal-hal sulit
- Pengurusan pinjaman dan cuti
- Pengurusan pesaraan kakitangan
- Pengurusan kebajikan
- Pengurusan pengambilan dan pelantikan kakitangan
- Pengurusan kursus kakitangan Majlis
- Pengurusan Maklumat Kakitangan.

Jabatan Kawalan Perniagaan dan Pelesenan

Terdiri daripada Bahagian Penjaja dan Bahagian Pelesenan.

- Mengurus permohonan dan temuduga pengisian gerai dan pasar
- Mengendalikan pendidikan kesihatan kepada pegerai
- Membuat kawalan dan operasi kebersihan di gerai dan pasar.
- Mengendalikan pendaftaran pengendali makanan
- Menjalankan pemeriksaan premis perniagaan.
- Mengeluarkan dan menentukan syarat lesen penjaja

Jabatan Kawalan dan Pembangunan



Terdiri daripada Bahagian Bangunan, Bahagian Kawalan Pembangunan, Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembasmi Kemiskinan.

- Memproses permohonan dan menyediakan dokumen yang berkaitan termasuk lawatan tapak dan semakan pelan bagi permohonan kebenaran merancang, pandangan dasar dan kes-kes rayuan.
- Memproses permohonan tukar syarat dasar, permohonan pecah sempadan/ pecah bahagian/ cantuman tanah.
- Mengemaskini data ‘attribute’ dan ‘spatial’ di semua ‘layer’ maklumat.
- Melaksanakan system e-Rancang bagi menjalankan kerja memproses dan menyemak semua permohonan perancangan
- Mengkaji semula garis panduan piawaian perancangan yang digunakan oleh Majlis.


2.3 CARTA ORGANISASI

MPK merupakan salah sebuah organisasi kerajaan yang diketuai oleh YDP iaitu Dato' Haji Zulkifli bin Haji Yaacob dan mempunyai 12 jabatan dan 32 bahagian yang dibahagikan dibawah setiap jabatan yang bertanggungjawab untuk mengelola dan mentadbir daerah kuantan ini. Rajah 2.1 menunjukkan carta organisasi MPK.

CASTOR AND POLLUX



Carta Organisasi Bahagian Bangunan



Rajah 2.2 Carta Organisasi Bahagian Bangunan.

2.4 SENARAI PROJEK

REKOD PENGELUARAN SIJIL CCC (JUN 2012)

Jadual 2.1 menunjukkan Rekod Pengeluaran Sijil CCC bermula dari bulan Jun sehingga bulan Ogos.

BIL	NO. SIJIL	NO.FAIL	PERUNDING/ PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
1	1451	MPK/R/B: PB/13/200 9-C	AEON ARKITEK/ TMDC PROPERTY SDN BHD	SEBAHAGIA N LOT 54556 (LOT LAMA PT 50749) BANDAR INDERA MAHKOTA	7.6.2012	RUMAH TUMPANGAN /HOTEL BAJET - 4 TKT -1 UNIT
2	0307	MPK/R/B: PB/155/20 09-D JLD.2	MASRI ONN CHARTERED ARCHITECT/ MACINDA SDN BHD	SEBAHAGIA N LOT 1480 JLN SG LEMBING KTN	27.6.2012	RUMAH TERES -29 UNIT -1 TKT
3	0865	MPK/R/B: PB/222/20 07-H	NESA ARKITEK/ HOSHAN SDN BHD	LOT 7307- 7314 LRG SG KRG DRT 101 JLN KTN- KEMAMAN MUKIM SG KRG	27.6.2012	KEDAI PEJABAT -8UNIT -2TKT
4	0931	MPK/R/B: PB/01/200 9-I	SAM ARKITEK/ SENTORIA HARTA SDN BHD	BLOK D PT 91739 KM 13 & 14 JLN KTN PEKAN MKM K.KTN & MKM PENOR	28.6.12	RUMAH TERES -1 TKT -180 UNIT PENCAWANG TNB -1UNIT

REKOD PENGETAHUAN SIJIL CCC (JULAI 2012)

BIL	NO.S IJIL	NO.FAIL	PERUNDING/ PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
1	0867	MPK/R/B: PB/29/200 9-C JLD.2	NESA ARKITEK/ GRAND QUANTUM SDN BHD	LOT 500 SEK.33 (PECAHAN LOT 1-4) LRG SEKILAU 62 OFF JLN HJ AHMAD MKM K.KTN	2.7.2012	RUMAH TERES -2TKT -4UNIT
2	0872	MPK/R/B: PB/109/20 09-I	NESA ARKITEK/ CHUA & HO BUILDERS SDN BHD	PECAHAN LOT 1-7 LOT 52547 PT 48345 HS (M) 40470 JLN SERI INDERAPURA TMN SERI INDERAPURA MKN K.KTN	17.7.2012	KEDAI PEJABAT -2UNIT -3TKT KEDAI PEJABAT -5UNIT -2TKT
3	1143	MPK/R/B: PB/125/20 10-H	HUSSEIN & LOH, ARCHITECT SDN BHD/LMW DEVELOPME NT SDN BHD	LOT 10456 GM 3515 JLN KTN, KEMAMAN MUKIM SG.KRG	18.7.2012	RUMAH TERES -1TKT -26UNIT
4	1144	MPK/R/B: PB/125/20 09-H	HUSSEIN & LOH ARHITECTS SDN BHD/GREEN WAY VILLAS SDN BHD	LOT 1532 KM 32 JLN KTN,KEMAMA N MUKIM SG KRG	26.7.2012	RUMAH BANGLO -1 TKT -12 UNIT

REKOD PENEGLUARAN SIJIL CCC (JULAI 2012)

BIL	NO.S IJIL	NO.FAIL	PERUNDING/ PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
5	0871	MPK/R/B: PB/187/20 08-B	NESA ARKITEK/ MING HOOI DEV.SDN BHD.	LOT PT 81235,HS (M) 60469 (PECAHAN LOT 1-26) MUKIM K.KTN.	27.7.2012	RUMAH TERES -1TKT -26UNIT
6	0612	MPK/R/B: PB/18/201 0-C	CHONG VOON WEE ARCHITECT/ LIEW SING DEV.SDN.BH D	LOT PT 33246 (HSM 30235) JALAN DARAT MAKBAR MUKIM KUALA KUANTAN	25.7.2012	RUMAH BERKEMBA -2TKT -14UNIT
7	0526	MPK/R/B: PB/65/200 9-A	ZULKIFLI JAFFAR ARCHITECT/ FARM RESORT (GAMBANG) SDN BHD	LOT NO 49658 GAMBANG MUKIM KUALA KUANTAN	16.7.2012	KOTEJ -1TKT -4UNIT
8	0527	MPK/R/B: PB/149/20 09-C	ZULKIFLI JAFFAR ARCHITECT/ FARM RESORT (GAMBANG) SDN BHD	LOT NO 49658 GAMBANG MUKIM KUALA KUANTAN	16.7.2012	VILA -1TKT -11 BUAH

REKOD PENEGETUARAN SIJIL CCC (JULAI 2012)

BIL	NO.S IJIL	NO.FAIL	PERUNDING/ PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
9	1508	MPK/R/B: PB/182/20 07-C	ARKITEK ILHAM KARYA/PDR M	PT 61457 BANDAR INDERA MAHKOTA	6.7.2012	SETOR BARANG KES, LOKAP BERPUSAT DAN KUARTERS KEDIAMAN

REKOD PENGETAHUAN SIJIL CCC (OGOS 2012)

BIL	NO.S IJIL	NO.FAIL	PERUNDING/ PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
1	0866	MPK/R/B: PB/73/200 8-C	NESA ARKITEK/ MEGA GOLD EMPIRE SDN BHD	PT 67320 – PT 67327 (LOT LAMA 1454) JLN BKT SETONGKOL KUANTAN	1.8.2012	KEDAI /PEJABAT -2 TKT -7 UNIT
2	0087	MPK/R/B: PB/200/20 09-H	PERUNDING OCS/ ECO TOWER SDN BHD	TANAH KERAJAAN (PLOT 138A) SELUAS 53.96 (21.96 HEKTAR) KWS PERINDUSTRI AN GEBENG MUKIM SG KRG KUANTAN.	3.8.2012	KILANG -1 TKT
3	0874	MPK/R/B: PB/104/20 10-G	NESA ARKITEK/ PARAGON REWARDS SDN BHD	LOT 769 (PECAHAN LOT 1-23) MUKIM KUALA KUANTAN	8.8.2012	RUMAH BERKEMBA -1 TKT -8 UNIT RUMAH TERES -1 TKT -15 UNIT

REKOD PENEGETUARAN SIJIL CCC (OGOS 2012)

BIL	NO.S IJIL	NO.FAIL	PERUNDING/P EMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
4	0878	MPK/R/B: PB/162/20 10-C	NESA ARKITEK/ LEE CHAN HSIEN & TAI YUE LAN & TAY KEE LAN (EMERY DEVELOPME NT SDN BHD)	LOT 11729 (PECAHAN LOT 1-7) JALAN BKT SETONGKOL MUKIM K.KUANTAN.	14.8.2012	KEDAI PEJABAT -2 TKT -7 UNIT
5	1039	MPK/R/B: PB/10/201 0-G	SAM ARKITEK/ CHEE LEAN CONSTRUCTI ON SDN BHD	LOT 313 GM 260 MUKIM K.KUANTAN	2.8.2012	RUMAH KEMBAR -1 TKT -30 UNIT
6	0877	MPK/R/B: PB/105/20 08-C	NESA ARKITEK/LEE KING CHIN & CHIN LEONG LEE KEE SDN BHD	PT 57545- PT57553 & PT 57555-PT 57566 (LOT LAMA 2455)JLN SEKILAU KUANTAN	14.8.2012	RUMAH TERES -2 TKT -21 UNIT
7	0875	MPK/R/B: PB 41/2010-C	NESA ARKITEK/MA T YASIN AWANG KECHICK (GREENLAST) HOUSING DEV.SDN.BHD	PECAHAN LOT 1-25 LOT PT 47200 KUIKM K.KTN	14.8.2012	RUMAH TERES - 1 TKT - 25 UNIT

REKOD PENGETAHUAN SIJIL CCC (OGOS 2012)

BIL	NO.S IJIL	NO.FAIL	PERUNDING/ PEMILIK	LOKASI	TARIKH KELUAR	CATATAN
8	0309	MPK/R/B: PB/41/201 0-C	FASA 2 (PAKEJ 2) DI ATAS SEBAHAGIA N LOT 1480 JLN SG LEMBING KUANTAN.	MASRI ONN CHARTERED ARCHICTECT MACINDA SDN BHD	16.8.2012	RUMAH ZERO LOT - 1 TKT - 20 UNIT RUMAH BERKEMBAR - 1 TKT -28 UNIT KEDAI PEJABAT -2 TKT -30 UNIT KEDAI PEJABAT -2 UNIT
9	0879	MPK/R/B: PB/119/20 08-H	NESA ARKITEK/PA HANG REALTY SDN BHD	LOT 146 PECAHAN LOT 1-8 MUKIM SG.KARANG KUANTAN	27.8.2012	RUMAH BERKEMBAR - 1 TKT - 8 UNIT

BAB 3

PENGELUARAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)

3.1 Pengenalan

Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan yang telah diperkenalkan dari tahun 2007 ini ialah satu proses yang melibatkan pihak berkuasa tempatan dan juga pihak bertanggungjawab untuk memberi dan mengeluarkan notis . Antara pihak yang bertanggungjawab dalam proses CCC ini ialah Arkitek dan juga Jurutera. Untuk setiap bangunan yang dibina, samada arkitek,ataupun jurutera merupakan pihak yang bertanggungjawab yang akan berurusan dengan pihak berkuasa tempatan iaitu Pihak Majlis. Mereka sebagai pihak yang merekabentuk bangunan tersebut. Pihak Majlis merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan pihak arkitek mahupun jurutera mematuhi setiap syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam pembinaan bangunan. Jika pihak Majlis mendapat terdapat ketidakpatuhan syarat-syarat yang dikenakan berlaku, kompaun akan dikenakan untuk setiap kesalahan dan ketidakpatuhan yang terlibat.

Dalam mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan ini, terdapat dua puluh satu borang yang terlibat. Setelah mengisi borang yang terlibat untuk sesuatu projek pembinaan, borang tersebut akan dihantar kepada pihak berkuasa yang terlibat untuk diberi kelulusan.Borang- borang ini melibatkan kelulusan dari pelbagai pihak. Ini bertujuan untuk memastikan pembinaan yang dibina lebih mengikut kepada peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dari segala aspek untuk menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni dan juga pengguna. Antara pihak berkuasa yang terlibat ialah:

- i. Jabatan Bomba dan Penyelamat
- ii. Tenaga Nasional Berhad
- iii. Indah Water Konsortium
- iv. Jabatan Kerja Raya
- v. Jabatan Bekalan Air

Pihak-pihak yang terlibat ini akan memantau projek pembinaan tersebut mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi kepakaran dalam bidang masing-masing. Jika terdapat borang yang tidak terlibat di dalam pembinaan tersebut, pihak PSP tetap perlu menghantar borang itu untuk proses CCC. Antara kelebihan yang terdapat dalam penggunaan sistem CCC ini ialah Notis Milikan Kosong (Notice Of Vacant Possession) boleh dikeluarkan serentak dengan pengeluaran sijil CCC. Ini akan menyingkatkan masa menunggu untuk memasuki bangunan serta mengatasi masalah-masalah yang sering dikaitkan dengan CFO di mana pembeli rumah memperoleh kunci rumah tetapi tidak boleh mendudukinya kerana CFO belum dikeluarkan lagi.

3.1.1 Proses Perakuan Berperingkat

Dalam memperkemaskan lagi sistem CCC, 21 komponen pembinaan berikut merupakan borang-borang yang terlibat dalam proses perakuan berperingkat CCC. Borang-borang ini digunakan untuk mendapatkan kelulusan bagi setiap kerja yang dilakukan di tapak. Kesemua borang-borang ini mestilah dihantar kepada PBT pada peringkat akhir .

Jadual 3.1 -Borang-borang yang digunakan untuk mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan

JENIS BORANG	KOMPONEN	KONTRAKTOR	KONTRAKTOR TRED	PROFESIONAL
G1	Kerja-kerja tanah	✓		(SP)
G2	Pemancang Tanda	✓	✓ (Juruukur Tanah Berlesen)	(PSP)
G3	Tapak	✓		(SP)
G4	Struktur	✓		(SP)
G5	Perpaipan Air Dalaman		✓ (Tukang Paip Berlesen)	(SP)
G6	Perpaipan Sanitari Dalaman		✓ (Tukang Paip Berlesen)	(SP)
G7	Elektrikal Dalaman		✓ (Orang yang cekap/mahir)	(SP)
G8	Menentang Kebakaran (pasif)	✓		(PSP)
G9	Menentang Kebakaran (aktif)		✓	(SP)
G10	Pengudaraan Mekanikal		✓	(SP)
G11	Pemasangan Lif/Eskalator		✓	(SP)
G12	Bangunan	✓		(PSP)
G13	Sistem Bekalan Air Luaran		✓	(SP)
G14	Retikulasi Pembentungan		✓	(SP)
G15	Loji Rawatan Pembentungan		✓	(SP)
G16	Sistem Bekalan Elektrik Luaran		✓ (Orang yang cekap/mahir)	(SP)
G17	Jalan dan Parit		✓	(SP)
G18	Lampu Jalan		✓ (Orang yang cekap/mahir)	(SP)
G19	Parit Luaran Utama		✓	(SP)
G20	Telekomunikasi		✓	(SP)
G21	Pandangan Darat		✓	(SP)

3.2 Latar Belakang Projek

Nama Projek : Cadangan Membina 8 Unit Rumah Berkembar Setingkat di atas Lot 146 (Pecahan Lot 1-8) Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Arkitek : Nesa Arkitek

Pemaju : Pahang Realty Sdn Bhd



Gambar 3.1 Rumah Berkembar Setingkat



Gambar 3.2 Pandangan sisi rumah berkembar.

3.3 KAJIAN KES

3.3.1 PROSES PENGELUARAN CCC

Di bawah peruntukan undang-undang kecil 25 UKBS 1984 (Pindaan) 2007, PSP boleh mengeluarkan CCC menggunakan Borang F tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- a) Apabila semua syarat-syarat teknikal yang dikenakan oleh PBT dipatuhi. (contoh seperti lampiran A)
- b) Apabila Borang-borang G1 hingga G21 berkenaan perakuan berperingkat sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 3.1 telah diperakui dan diterima olehnya.
- c) Apabila semua perkhidmatan perlu termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembentungan dan pembuangan sampah dan lif bomba jika kehendaki, telah disediakan.
- d) Apabila beliau memperakui dalam borang F bahawa beliau telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan tersebut dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bangunan tersebut telah dibina dan disiapkan mengikut akta undang-undang kecil ini dan pelan yang diluluskan.

Apabila borang F telah dikeluarkan oleh pihak PSP, pihak Majlis akan memulakan proses pemberitahuan dengan menghantar surat dan memo seperti di lampiran D kepada pihak-pihak yang terlibat seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Pahang. Memo juga akan diedar kepada bahagian yang terlibat dalam Majlis seperti Bahagian Infrastruktur, Bahagian Kesihatan Persekutaran, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Landskap, Unit Elektrik, Bahagian Jalan, Bahagian Kawalan Pembangunan dan juga Unit Pembinaan Tanpa Kelulusan.

Jadual 3.2 menunjukkan borang-borang yang terlibat dan yang digunakan dalam projek

JENIS BORANG	KOMPONEN	BORANG YANG DIGUNAKAN
G1	Kerja-kerja tanah	✓
G2	Pemancang Tanda	✓
G3	Tapak	✓
G4	Struktur	✓
G5	Perpaipan Air Dalaman	✓
G6	Perpaipan Sanitari Dalaman	✓
G7	Elektrikal Dalaman	✓
G8	Menentang Kebakaran (pasif)	✓
G9	Menentang Kebakaran (aktif)	
G10	Pengudaraan Mekanikal	
G11	Pemasangan Lif/Eskalator	
G12	Bangunan	✓
G13	Sistem Bekalan Air Luaran	✓
G14	Retikulasi Pembentungan	
G15	Loji Rawatan Pembentungan	✓
G16	Sistem Bekalan Elektrik Luaran	
G17	Jalan dan Parit	✓
G18	Lampu Jalan	
G19	Parit Luaran Utama	
G20	Telekomunikasi	✓
G21	Pandangan Darat	✓

3.3.2 PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT.

Perlaksanaan CCC ini membenarkan pihak-pihak professional terlibat dalam pengeluaran perakuan siap dan pematuhan dari segi pengeluaran sijil itu sendiri tetapi pihak PBT juga masih terlibat dalam memberi kebenaran merancang, dan pelan bangunan dimana harus mendapat kebenaran PBT dahulu. Dalam projek ini, pihak professional yang terlibat adalah Arkitek yang berdaftar iaitu Nesa Arkitek.


Selain daripada Nesa Arkitek dan JTD, terdapat juga pihak berkuasa yang lain yang terlibat dalam proses pengeluaran sijil bagi projek pembinaan lapan unit rumah berkembar ini seperti Bomba, IWK, dan juga Telekom Malaysia.

Dalam pembinaan rumah berkembar ini, Bomba hanya mengeluarkan kelulusan untuk alat penentang kebakaran pasif sahaja yang telah didaftarkan di bawah nombor rujukan JBPM:PH.005/3/8/30867 seperti Borang G8 yang terdapat di lampiran. Ini kerana pembinaan ini ialah jenis kediaman. Jika sesuatu pembinaan tersebut merupakan pembinaan bukan kediaman, maka PSP juga perlu menyediakan alat penentang kebakaran aktif sebagai langkah keselamatan kepada penghuni dan juga pelawat.

IWK pula memberi kelulusan untuk G15 iaitu untuk tangki septik individu di bawah nombor rujukan IWK/AP(P).PH.1/05/61. Pembinaan ini menggunakan tangki septik individu MF2-PE kerana sudah tersedia kemudahan loji retikulasi pembentungan di kawasan tersebut.

Pihak TM pula telah memberikan kelulusan dengan syarat kepada pembinaan ini meliputi tempoh jaminan, tuntutan pihak ketiga dan lain-lain seperti yang terdapat di dalam lampiran kelulusan TM pada borang G20. Nombor rujukan yang terlibat ialah 56 AND PHG 4101 CC 2012.


1. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT



Rajah 3.1

Carta alir bagi pemprosesan Perakuan Pelan Bangunan


2. TENAGA NASIONAL BERHAD



Rajah 3.2 Carta alir bagi cara kerja kelulusan permohonan bagi TNB


CARTA ALIR PROSES
PENGELUARAN PERAKUAN
SIAP DAN PEMATUHAN

3. JABATAN TEKNIKAL DALAMAN



Carta 3.3 menunjukkan carta alir kerja JTD.

CARTA ALIR PROSES KELULUSAN PERMOHONAN PELAN PINDAAN (SEBELUM CFO/CCC)



Carta 3.4 menunjukkan carta alir proses kelulusan pelan

3.3.3 ULASAN TEKNIKAL

a) JABATAN TEKNIKAL DALAMAN

Setelah pemeriksaan pra-CCC telah dibuat, JTD akan mengeluarkan ulasan hasil daripada lawatan tersebut. Jika terdapat sebarang ketidakpatuhan telah dibuat, pihak JTD akan mengarahkan pihak PSP membetulkan semula ketidakpatuhan tersebut. Setelah perkara yang diulas telah dibetulkan, pihak PSP hendaklah mengemukakan gambar kepada pihak JTD yang terlibat sebagai bukti bahawa ketidakpatuhan tersebut telah dibaiki. Jika PSP gagal mematuhi arahan, pihak JTD berkuasa untuk menghentikan kerja-kerja yang sedang dilakukan di tapak dan melaporkan kepada Lembaga Professional atas salah laku tersebut.

Bagi projek ini, pihak JTD iaitu daripada Bahagian Bangunan telah memberikan ulasan supaya pihak PSP iaitu Nesa Arkitek supaya menukar pintu bahagian belakang rumah tersebut dengan pintu “h.w. timber door” seperti yang telah dinyatakan di dalam pelan bangunan yang telah disemak oleh PBT.



Gambar 3.3 Pintu

b) JABATAN TEKNIKAL LUARAN

Selain daripada JTD, JTL juga boleh mengemukakan sebarang ketidakpatuhan yang terdapat di tapak pembinaan kepada PSP. Setelah JTL mengeluarkan sebarang ulasan kepada PSP, mereka dikehendaki membentulkan ketidakpatuhan tersebut.

3.3.4 PENALTI

Dalam melaksanakan sistem CCC ini, pindaan juga telah dibuat ke atas penalti yang dikenakan kepada PSP yang tidak mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan. Pada amnya, pindaan yang telah dibuat kepada Akta 133 ialah melibatkan kenaikan semua denda terdahulu serta pengenalan tempoh pemenjaraan sehingga tidak melebihi sepuluh tahun.

Nesa Arkitek boleh dikenakan penalti sebanyak lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan juga denda tambahan boleh dikenakan sebanyak seribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan (subseksyen 13) jika didapati bersalah atas kesalahan tidak mematuhi arahan bertulis PBT atau syarat yang dikenakan oleh PBT kepada apa-apa ubahsuaian atau pengenatepian apa-apa kehendak mana-mana undang-undang kecil.

LAMPIRAN A
SYARAT-SYARAT KELULUSAN

SYARAT-SYARAT KELULUSAN PELAN BANGUNAN BAGI RUMAH TERES DI DALAM SKIM PERUMAHAN

A. **Syarat-syarat Am**

1. Kelulusan yang dikeluarkan ini adalah terhad untuk *Pelan Bangunan* sahaja dan tidak melibatkan kepada kerja-kerja infrastruktur (kerja tanah, jalan, perparitan dan lampu jalan), landskap dan sistem pembentungan.
2. Pemohon / pemaju perlu mematuhi sepenuhnya syarat *Kebenaran Merancang* dan kelulusan *Pelan Pre-Comp* dari *Bahagian Kawalan Pembangunan, MPK*, rujukan fail, MPK/R/A:PT/1-4/2009/ZU 7 bertarikh 04 Mac 2011.
3. Pemohon / pemaju perlu mematuhi sepenuhnya syarat kelulusan *Pelan Infrastruktur* dari *Bahagian Infrastruktur, MPK*, rujukan fail MPK/J/C/76/2007 bertarikh 14 November 2011.
4. Pemohon / pemaju perlu mendapatkan kelulusan *Pelan Landskap* dari *Bahagian Perancangan dan Pembangunan Landskap, MPK* serta mematuhi sepenuhnya syarat kelulusan yang akan di keluarkan nanti.

B. **Syarat-syarat Peringkat Sebelum Pembinaan**

1. Bagi keperluan perkhidmatan perbandaran, pihak tuan dikehendaki merujuk terus ke Jabatan Kesihatan persekitaran dan Perkhidmatan Perbandaran, MPK untuk mendapat ulasan dan kelulusan. Di antara keperluan perkhidmatan perbandaran dan alam sekitar ialah:-
 - (a) Penyediakan tong sampah dan jadual kutipan bagi 'sistem pelupusan sisa pepejal'.
 - (b) Memastikan 'Bebas Aedes' di kawasan tapak binaan dengan mengambil langkah-langkah pengawalan dan pencegahan pemberian nyamuk aedes di kawasan tapak bina pada setiap masa selaras dengan 'Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, Guideline For The Control Aedes Mosquito In Construction Site dan Pekeliling Bebas Aedes Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan bertarikh 7 Julai, 1997.
 - (c) Pembinaan struktur sementara seperti site office, rumah pekerja (rumah kongsi), kantin, dilengkapi pemasangan pembentungan / tangki najis/sanitasi sementara dan jaring keselamatan.
 - (d) Membina sistem perlimbahan sementara dan kawalan keselamatan dan kebersihan di tapak bina.
 - (e) Pembakaran terbuka sisa lebihan binaan di tapak bina tidak dibenarkan.
 - (f) Pemohon/Pemaju dikehendaki pada setiap masa membuat kerja-kerja pembersihan kawasan yang merangkumi jalan masuk, jalur kawasan perumahan, longkang perimeter dan kawasan lapang bersih dari sampah sarap dan sisa bahan binaan dengan memuaskan.
2. Selain dari pemeriksaan / pengesahan kerja-kerja pembinaan yang telah ditetapkan, pemohon juga perlu memaklumkan kepada MPK secara bertulis apabila melaksanakan kerja-kerja pembinaan di peringkat kerja tanah dan infrastruktur untuk pemeriksaan dan pengesahan lanjut,
3. Pemohon dikehendaki mengambil langkah-langkah keselamatan dan kebersihan di tapak bina termasuk kawalan ke atas semua kenderaan yang keluar masuk ke tapak bina dengan

sewajarnya pada setiap masa bagi memastikan kawasan persekitaran lot terutama jalan raya tidak dikotorkan oleh sisa-sisa bahan binaan. 'Water jet' hendaklah digunakan.

4. Mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan kerja pembinaan tidak melibatkan kacau ganggu dan kerosakan kepada infrastruktur dan struktur bangunan sedia ada di lot bersebelahan. 2
5. Memasang 'metal decking hoarding board' papan tanda projek dan mendapatkan permit sementara bangunan bagi setor, rumah kediaman sementara pekerja rumah kongsi 'site office' sebelum memulakan kerja pembinaan. Pelan cadangan bangunan sementara mengikut 'Garispanduan Kediaman Sementara Pekerja Di Tapak Binaan' termasuk pembinaan tandas yang sempurna hendaklah dikemukakan untuk kelulusan MPK terlebih dahulu selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 43 bertarikh 20 Jun, 1995.
6. Perunding/pemohon hendaklah memastikan setiap pemaju atau kontraktor membuat permohonan ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) untuk pendaftaran tapak binaan berdasarkan Seksyen 35, Akta Kilang dan Jentera, 1967 (Akta 139) sebagai langkah kawalan keselamatan dan kesihatan pekerja di tapak bina.

C. Syarat-syarat Peringkat Semasa Pembinaan

1. Pemaju dikehendaki menyediakan papan tanda nama taman, ceper dan perabot jalan (street furniture), nama lorong/jalan, nombor-nombor bangunan dan peti surat. Spesifikasi ceper jalan hendaklah mengikut ketetapan yang ditentukan oleh Bahagian Jalan, MPK.
2. Pemaju dikehendaki memasang 'street furniture' yang lengkap terutama di simpang jalan dan mengecat garisan pembahagi jalan menggunakan thermoplastic. Arahan Teknikal JKR hendaklah dipatuhi.
3. Pemasangan lampu jalan hendaklah disediakan mengikut kelulusan Unit Elektrikal, Bahagian Infrastruktur, MPK. Bukti bayaran pemasangan kepada TNB hendaklah dikemukakan untuk rekod MPK.
4. Pemasangan lampu jalan dan 'decorativre compound lighting' di dalam rezab awam hendaklah disediakan mengikut kelulusan Unit Elektrikal, Bahagian Infrastruktur, MPK. Bukti bayaran pemasangan kepada TNB hendaklah dikemukakan untuk rekod MPK.
5. Pemohon/perunding diminta menggunakan 60% bahan tempatan untuk kerja-kerja pembinaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah menteri berkaitan 'Dasar Mengenai Penggunaan Bahan-bahan Tempatan Dalam Industri Pembinaan'
6. Pam tandas hendaklah menggunakan pam tandas yang menjimatkan air (iaitu sistem pam tandas yang menggunakan sistem 2 simbahana atau sistem satu simbahana dengan kuantiti air setiap simbahana tidak melebihi 6.0 liter) selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 7 Jun 2000 dan 14 Jun 2000 dan Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan JKT:AM/B/Bil.8/2000 yang diwajibkan mulai 1 Jun 2002. Setiap tandas hendaklah disediakan dengan sekurang-kurangnya 1 unit tap/paip air.
7. Membina dan menyiapkan sistem buangan kumbahan mengikut kelulusan IWK /SPAN. Kesemua air buangan (sullage water) hendaklah disalirkan ke sistem rawatan mengikut keperluan IWK /SPAN..
8. Semua dinding batu bata di ruang kosong antara 'wall plate/roof beam' dengan atap yang lazimnya dibiarkan kosong hendaklah dilanjutkan pembinaannya hingga ke bahagian bawah atap bagi langkah keselamatan untuk mengelakkan pencerobohan dari luar ke dalam bangunan melalui siling atau bumbung.

- Peringkat 3: Pemakluman penyiapan peringkat substruktur (penyiapan komponen G4 – G21) kepada MPK melalui OSC.
 - Peringkat 4: Sebelum mengemukakan Perakuan CCC (Borang F/F1) perkara-perkara berikut hendaklah dipatuhi:-
 - Surat pengesahan dari jabatan-jabatan teknikal luaran :-
 - Indah Water Konsortium (IWK).
 - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 - Jabatan Bekalan Air (JBA)
 - Tenaga Nasional Berhad (TNB).
 - Jabatan Kerja Raya
 - Surat pengesahan dari jabatan-jabatan teknikal dalaman MPK (kecuali bagi kediaman sesebuah):-
 - Bahagian Kerja Awam dan Infrastruktur
 - Bahagian Jalan
 - Peringkat 5: Pengemukaan Perakuan CCC (Borang F/F1) oleh PSP kepada MPK melalui OSC dengan melampirkan :-
 - a) 8 (lapan) set pelan pertapakan sebenar (as built plan) yang ditandakan dengan maklumat lokasi dan bilangan bagi perkara-perkara seperti berikut:-
 - (i) Ceper nama jalan/lorong dan papan tanda lalulintas.
 - (ii) Lampu jalan, tiang telekom dan pili bomba.
 - (iii) Penanaman pokok (termasuk nama pokok).
